



14 Januari 2022
14 January 2022
P.U. (A) 10

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPIENCATUTAN (PENENTUAN HARGA MAKSIMUM) 2022

*PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING
(DETERMINATION OF MAXIMUM PRICE) ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPECATUTAN 2011

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPECATUTAN
(PENENTUAN HARGA MAKSIMUM) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723], Pengawal, dengan kelulusan Menteri, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2022.**
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Januari 2022.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, “Vaksin COVID-19” ertiannya suatu vaksin yang—
 - (a) disuntik ke dalam badan manusia yang digunakan untuk merangsang sistem imun badan manusia supaya bertindak balas melindungi badan manusia daripada jangkitan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19); dan
 - (b) didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah menggunakan nombor pendaftaran yang ditetapkan oleh pihak berkuasa itu.

Harga borong maksimum

3. Harga borong maksimum bagi Vaksin COVID-19 yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual ditentukan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2).

Harga runcit maksimum

4. Harga runcit maksimum bagi Vaksin COVID-19 yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual ditentukan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) dan

harga runcit maksimum itu tidak termasuk apa-apa caj perkhidmatan atau caj barangan pakai buang yang digunakan bagi maksud suntikan Vaksin COVID-19 itu.

Senarai harga jualan Vaksin COVID-19

5. (1) Menurut seksyen 9 Akta, mana-mana pemegang lesen bagi kemudahan jagaan kesihatan swasta atau pemilik farmasi yang kemudahan jagaan kesihatan swasta atau farmasinya menjual atau menawarkan untuk menjual Vaksin COVID-19 hendaklah mempamerkan senarai harga jualan Vaksin COVID-19 itu—

- (a) dalam bentuk fizikal atau media elektronik di kemudahan jagaan kesihatan swasta atau farmasi, masing-masing; dan
- (b) dalam kedudukan yang mudah dilihat yang senang dibaca oleh mana-mana orang yang ingin membeli vaksin itu.

(2) Bagi maksud perenggan ini, “kemudahan jagaan kesihatan swasta” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*].